

## **WORLD ENVIRONMENT DAY 2013**

The United Nations has declared 5 June as the World Environment Day. The theme for World Environment Day 2013 is **Think.Eat.Save.** The theme calls for the world's population to reduce our foodprint. It is estimated that about one third of global food production is lost or wasted each year and that consumers in industrialised countries waste as much food as sub-Saharan African countries produce each year. In 2012, it is estimated that Peninsular Malaysia alone generated 25,000 metric tonnes of municipal solid waste daily and 48% of the wastes are food waste.

**Think.Eat.Save** campaign encourages us to become more aware of the environmental impact of the food choices we make and empowers us to make informed decisions. Food waste is probably one of the worst things for global warming. The food wasted is leading to huge amounts of unnecessary greenhouse gas emissions. It is important for young and old to reflect on the over-exploitation of natural resources and the changes of our lifestyle which have caused global climate change.

The government and the people of Malaysia are responsible to conserve and protect the environment. Let it be small, collectively we will make a great impact to further strengthen the continued conservation and sustainable use of the environment.

On this very important day, I am confident that all Malaysians, together with all other people across the globe will make the right lifestyle choices. We can make a difference! **Think.Eat.Save** and inspire others to reduce food waste and losses.

Datuk Seri G. Palanivel  
Minister of Natural Resources and Environment

## HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA 2013

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengisytiharkan 5 Jun sebagai Hari Alam Sekitar Sedunia. Tema Hari Alam Sekitar Sedunia bagi tahun 2013 adalah ***Think.Eat.Save***. Tema ini mengajak masyarakat dunia untuk mengurangkan *foodprint* mereka. Adalah dianggarkan bahawa kira-kira satu pertiga daripada pengeluaran makanan global terbuang setiap tahun dan sisa makanan yang dibuang oleh pengguna di negara-negara perindustrian adalah sebanyak makanan yang dihasilkan di negara-negara Afrika sub-Sahara. Pada tahun 2012, dianggarkan bahawa Semenanjung Malaysia sahaja menjana 25,000 tan metrik sisa pepejal setiap hari dan 48% daripadanya adalah sisa makanan.

Kempen ***Think.Eat.Save*** bertujuan untuk menyedarkan kita tentang kesan alam sekitar akibat daripada pilihan makanan yang kita lakukan dan memberi kuasa kepada kita untuk membuat keputusan yang tepat. Pembuangan sisa makanan merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada pelepasan gas rumah hijau dan mengakibatkan pemanasan global. Adalah penting bagi golongan muda dan tua menyedari kejadian seperti eksplorasi berlebihan sumber asli dan perubahan gaya hidup manusia telah menyumbang kepada perubahan iklim global.

Kerajaan dan rakyat Malaysia bertanggungjawab untuk memelihara dan melindungi alam sekitar. Walau sekecil manapun sumbangan kita, secara kolektif kita akan memberi kesan yang besar dalam mengukuhkan lagi pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Pada hari yang penting ini, saya yakin semua rakyat Malaysia bersama-sama dengan rakyat di seluruh dunia akan membuat pilihan gaya hidup yang tepat. Kita mampu mengubahnya! ***Think.Eat.Save*** agar kita dapat memberi inspirasi kepada orang lain untuk mengurangkan pembaziran makanan.

Datuk Seri G. Palanivel  
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar